

**BH** Selasa, 15 November 2022

# Gaji minimum Malaysia tertinggi di rantau ASI

Kadar RM1,500 bermula Mei lalu bukti keprihatinan kerajaan dipimpin Ismail Sabri

**Oleh Afnan Rostam**  
afnan.rostam@bh.com

**Kuala Lumpur:** Keputusan kerajaan melaksanakan kadar gaji minimum RM1,500 bermula Mei lalu, menjadikan Malaysia antara negara yang mempunyai kadar pemberian gaji minimum tertinggi dalam kalangan negara ASEAN.

Kali terakhir gaji minimum dinaikkan adalah pada 1 Februari 2020, dengan kenaikan RM100 kepada RM1,200 daripada RM1,100 sebulan, ketika pembentangan Bajet 2020.

Kenaikan kadar gaji minimum yang diwartakan menerusi Warta Kerajaan Persekutuan bertarikh 27 April lalu, adalah antara inisiatif kerajaan pimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob untuk membantu mengurangkan beban kos sara hidup dan membolehkan rakyat memperoleh lebih banyak mata



Orang ramai meninjau peluang pekerjaan pada Karnival Kerjaya 100 Hari Aspirasi Kelua Lumpur.

terutama golongan berpendapatan rendah sama ada yang tinggal di bandar dan luar bandar.

Pekerja bengkel, Muhammad Khairul Anwar, 28, mengakui kenaikan kadar gaji minimum RM1,500 antara keprihatinan yang dibuktikan kerajaan.

“Saya bersyukur dengan kenaikan RM300 ini kerana ia banyak membantu menampung keperluan harian saya, termasuk isteri dan juga anak.

“Harapan saya suatu masa nanti, gaji minimum dapat dinaikkan kepada RM1,800 bagi pekerja di Lembah Klang, sesuai dengan

meringar rumahny

“Bila ac sebanyak seribu bapa yang”Selain rajaan. s